


# Kilang makanan disyaki punca pencemaran di Sungai Semenyih

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - September 5, 2021 @ 12:12pm
bhnews@bh.com.my



Orang awam mengambil air dari lori tangki air disediakan Pengurusan Air Selangor berikutan gangguan bekalan air tidak berjadual disebabkan henti tugas LRA Sungai Semenyih ketika tinjauan di Perumahan Penjawat Awam, Presint 18, Putrajaya. - Foto NSTP/Azhar Ramli

PUTRAJAYA: Sebuah kilang berasaskan makanan dikenakan tindakan henti tugas kerana disyaki menjadi punca pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih pada 31 Ogos dan Jumaat lalu.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dalam kenyataan berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor sudah membuka kertas siasatan terhadap pemilik kilang berkenaan kerana disyaki menyebabkan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas.

Katanya, tindakan itu susulan pencemaran sebatian penyebab bau (OCS) yang dikesan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada tahap 2 ton di muka sauk Jenderam Hilir pada jam 5.15 petang semalam.

"Siasatan JAS Selangor pada Khamis dan Jumaat lalu mendapati kilang berkenaan beroperasi dan beberapa sampel pelepasan efluen perindustrian dan sampel air sungai di muka sauk sudah diambil serta dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisis komposisi kimia," katanya dalam kenyataan hari ini.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- 59 kilang di Nilai wajib laksanakan GSR
- Operasi LRA Keratong dijangka




TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 9m Kemelut Khan al-Ahmar: Israel mohon lebih masa jawab petisyen
- 15m Bursa Malaysia dibuka lebih tinggi
- 37m Mangsa banjir di Sabah kekal 75 orang
- 50m UPM, AKEPT anjur Bicara Kenegaraan 2021
- 57m Jerman belasah Armenia
- 57m Badut tawar khidmat sanitasi demi kelangsungan hidup
- 1h Sebatang kara huni rumah daif di kebun kelapa sawit
- 1h Balu Menteri Besar Perak ke-7 meninggal dunia

- pulih Ahad
- [Pencemaran Sungai Semenyih: Beberapa individu akan ditahan]
- [SPAN, pemantau Air Selangor kesan pencemaran di Bentong]

Sebelum ini, Air Selangor memaklumkan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas pada 31 Ogos dan Jumaat lalu berikutan pencemaran bau sehingga menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual di 463 kawasan dan lima wilayah.

Ia merangkumi Petaling (172 kawasan), Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20).




Kenyataan itu turut memaklumkan, siasatan diteruskan tengah malam kelmarin yang mana pengawasan kualiti udara dijalankan di takat pelepasan akhir kilang (sebelum ke longkang awam) berjaya mencerap beberapa bahan.

Antaranya ialah Sebatian Organik Meruap (VOC) dalam udara yang berbau serta mempunyai persamaan dengan bahan VOC yang dikesan dalam sampel air berbau ketika kejadian henti tugas LRA Sungai Semenyih pada 31 Ogos lalu.

"Berdasarkan petunjuk terbaru berkenaan, JAS melaksanakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) terhadap kilang di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi menghentikan pencemaran serta-merta.

"Proses pengeluaran kilang dihentikan sehingga siasatan lanjut selesai dijalankan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 25 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling,1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

"Kesalahan terhadap pencemaran perairan daratan yang jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 25(3) Akta yang sama iaitu denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya bagi setiap parameter," katanya.

Katanya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga sudah mengambil bukti termasuk sampel efluen dan membuka kertas siasatan kes terbabit di bawah Seksyen 121(1)(C) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) iaitu kesalahan pencemaran terhadap sumber air.

Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 121 (2)(B) iaitu penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak melebihi RM500,000.00 atau kedua-duanya sekali.

## BERITA BERKAITAN


## VAKSIN


WILAYAH seminit yang lepas
Kira-kira 2,000 Orang Asli belum divaksin


NASIONAL Sep 5, 2021 @ 1:49pm
900,000 pekerja kilang lengkap divaksinasi akhir bulan ini


NASIONAL Sep 5, 2021 @ 12:16am
Beaufort daerah pertama capai imuniti kelompok di Sabah


NASIONAL Sep 4, 2021 @ 6:36pm
Guna khidmat doktor udara tingkat jangkauan vaksinasi


NASIONAL Sep 4, 2021 @ 5:31pm
Wajar halang guru tanpa vaksin ke sekolah


EROPAH Sep 4, 2021 @ 8:05am
'Vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak sihat 12-15 tahun tidak disyorkan'

## TRENDING


WILAYAH 2 jam yang lepas
Sebatang kara huni rumah daif di kebun kelapa sawit


BOLA 4 jam yang lepas
Pihak berkuasa Brazil ceroboh padang


OLAHRAGA Sep 5, 2021 @ 5:51pm
PARALIMPIK: Kes Ziyad mungkin ke CAS


ASIA Sep 5, 2021 @ 5:09pm
17 terbunuh angkara Taliban raikan kejayaan

## OHBULAN


KINI TRENDING 12 minit yang lepas
Pemuda Menangis, Dakwa Usahawan Terkenal Ciplak Rekaan Tudung – 'Senang-Senang...


YUSUF ISKANDAR 19 minit yang lepas
[VIDEO] Tegur Alisa Sebab Cakap Makanan Tak Sedap, Netizen Kagum Dengan...

## BERITA BERKAITAN



WILAYAH Ogs 8, 2021 @ 12:40pm

### LUAS bertindak segera aduan pencemaran Sungai Langat

WILAYAH Jun 9, 2020 @ 12:20pm

### Kilang kacang diserbu JAS



NASIONAL Sep 1, 2021 @ 4:32pm

### JAS siasat kilang di lembangan Sungai Semenyih



NASIONAL Feb 15, 2021 @ 11:10am

### Semua pihak terbabit pencemaran di Semenyih akan didakwa


Disyorkan untuk anda

Recommended by



**COVID-19 - Latest news and coverage**
CNA



**Where Do The Richest Americans Live?**
Mansion Global



**Plastic Surgery in Singapore - Prices in 2021…**
Plastic Surgery | Searc…



**How Malaysia's ICPT Help Maintain…**
Energy Watch
Read more



**Sekiranya Anda Mempunyai Jamur Kuku,…**
asiastory.news
Shop Now



**Shah Alam: Liquidation Of Unsold 2020…**
SUV Deals | Search Ads



**How Much Do Funerals Cost In Singapore?**
Funeral Services | Sear…



**Malaysia: Work-from-home jobs in the US may p…**
Working From Home | …




YB SENATOR TUAN IDRIS AHMAD 31 minit yang lepas

**Didakwa Pakai Jam Mahal Puluh Ribu, Menteri Agama Beri Respon – 'Jam Buruj Lama...**



SUMBANGAN 40 minit yang lepas

**Lelaki Raih Sumbangan Sehingga RM91,000 Jaja Kisah 14 Ahli Keluarga Maut Akibat...**



KINI TRENDING Sep 5, 2021 @ 8:21pm

**Nampak Lelaki Pegang Kepala Manusia & Jumpa Bungkusan Berisi Ibu Jari, Wanita...**

## SIRAPLIMAU



DAPUR 34 minit yang lepas

**Cara Buat Roti Pandan Gula Melaka Macam Roti Gardenia Viral**



RAKYAT 40 minit yang lepas

**Ini 43 Jenis Telefon Pintar Tak Boleh Akses Whatsapp Mulai 1 November**



RUMAH Sep 5, 2021 @ 5:04pm

**Cara Ganti Getah Pintu Peti Sejuk Yang Dah Tak Rapat. Elak Bil Melambung!**



TERAPI Sep 5, 2021 @ 10:56am

**Kenapa Pembedahan Plastik Double Eyelid Sangat Popular Di Korea Selatan?**



RAKYAT Sep 4, 2021 @ 9:25pm

**Boleh Walk-In Ke JPJ, Ini Harga Renew Lesen Memandu Terkini 2021**

BH ONLINE

IKUTI KAMI DI:

Download on the App Store
GET IT ON Google Play
Download on the App Store
GET IT ON Google Play

BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi